

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

TINGKATAN	: 5
MASA	: 40 minit
BIDANG	: 2 Nilai Berkaitan Dengan Kekeluargaan
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 2.2 Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga
KANDUNGAN	: Saling menghormati antara anggota keluarga dipupuk melalui
AKADEMIK	asuhan yang baik.
TAJUK	: Saling menghormati antara anggota keluarga
HASIL	: Di akhir pelajaran, murid dapat:
PEMBELAJARAN	<i>1. Kognitif Moral</i> (i) Memberikan kebaikan berkomunikasi dengan anggota keluarga secara bersopan dan hormat. <i>2. Perasaan Moral</i> (ii) Menyatakan perasaan hormat dan taat kepada anggota keluarga menggunakan bahasa yang sopan <i>3. Perlakuan Moral</i> (iii) Memberi cadangan untuk memberi asuhan yang baik kepada generasi muda yang hormat dan taat kepada anggota keluarga.
PENDEKATAN	: Penjelasan Nilai Pendekatan Penyayang/ <i>Caring</i> Pembelajaran Secara Koperatif
TEKNIK	: Perbincangan, Main Peranan dan Projek
SUMBER BANTU	: Kertas putih, pen marker
MENGAJAR	

Permulaan

- (i) Meminta murid angkat tangan jika mereka menganggap diri sebagai seorang yang menghormati anggota keluarga mereka seperti yang berikut: ibu, bapa, datuk, nenek, abang, kakak dan adik.
- (ii) Guru memperkenalkan topik pelajaran.

Aktiviti 1: Berkomunikasi dengan sopan dan hormat dengan anggota keluarga

- (i) Membahagikan kelas kepada kumpulan kecil yang *heterogenous*.
- (ii) Memberikan arahan kepada murid untuk mewujudkan situasi yang berlainan tentang bagaimana anggota keluarga berkomunikasi secara bersopan dan hormat seperti yang berikut:
 - Kumpulan 1: Dialog antara ibu dan ayah
 - Kumpulan 2: Dialog antara kakak dan adik
 - Kumpulan 3: Dialog antara cucu dan nenek
 - Kumpulan 4: Dialog antara ibu dan anak
 - Kumpulan 5: Dialog antara bapa dan anak

- (iii) Meminta setiap kumpulan lakonkan situasi yang disediakan.
- (iv) Menyoal murid dengan soalan berkaitan dialog yang dilakonan seperti yang berikut:
 - Bagaimanakah anggota keluarga berkomunikasi secara bersopan dan hormat antara satu sama lain dalam lakonan tadi?
 - Apakah perasaan anggota keluarga semasa dilayan dengan bersopan dan hormat?
 - Apakah kebaikan berkomunikasi dengan anggota keluarga secara bersopan dan hormat?
- (v) Menerangkan kepentingan berkomunikasi dengan anggota keluarga dengan menggunakan bahasa yang bersopan.

Aktiviti 2: Membela generasi muda yang hormat dan taat kepada anggota keluarga

- (i) Meminta murid sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan pernyataan bahawa 'Generasi muda hari ini kurang bersopan dan hormat kepada anggota keluarga yang lebih tua'. Meminta murid memberi alasan terhadap pendirian mereka.
- (ii) Membahagikan kelas kepada kumpulan kecil yang *heterogenous*. Memberikan setiap kumpulan satu keping kertas putih dan pen marker.
- (iii) Meminta murid berbincang dalam kumpulan masing-masing cara bagaimana memberi asuhan yang baik kepada generasi muda yang hormat dan taat kepada anggota keluarga. Meminta setiap kumpulan mencatat hasil perbincangan dalam pelbagai bentuk seperti peta minda atau poster
- (iv) Meminta setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan dalam kelas.
- (v) Menyoal murid dengan soalan berkaitan hasil perbincangan seperti yang berikut:
 - Kenapakah pentingnya memberi asuhan yang baik kepada generasi muda yang hormat dan taat kepada anggota keluarga?
- (vi) Menerangkan kepentingan amalan nilai saling menghormati antara anggota keluarga.

Penutup

- (i) Meminta murid memberikan beberapa kata-kata bersopan dalam komunikasi mereka dengan anggota keluarga.
- (ii) Membimbing murid merumuskan pelajaran dengan mengaitkan nilai dengan kandungan akademik yang telah dipelajari.

Refleksi/Penilaian

- (i) Pelajar diminta memberi cadangan bagaimana mereka sendiri boleh menunjukkan hormat dan taat kepada anggota keluarganya.